

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**DESKRIPSI KATA TUGAS BAHASA
MELAYU DALAM LAMAN
SESAWANG RASMI KEMENTERIAN
PELANCONGAN MALAYSIA**

MOHD BADRUL AZHAR BIN ZULKAPLI

Penghantaran tesis
bagi memenuhi keperluan ijazah
Pengajian Bahasa Gunaan

Akademi Pengajian Bahasa

September 2016

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian berkaitan bidang tatabahasa yang melihat aspek kata tugas dalam bahasa Melayu. Kini bahasa Melayu turut dipelajari oleh pelajar asing. Penyelidikan aspek tatabahasa terutama kata tugas untuk pelajar asing jarang dilakukan secara terperinci apa lagi pendeskripsiannya. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pendeskripsian kata tugas secara menyeluruh bagi memudahkan pelajar asing memahami dan menggunakan kata tugas yang betul daripada aspek tatabahasa Melayu terutama dalam penulisan jenis deskriptif. Data kajian yang digunakan adalah data jenis teks deskriptif pelancongan yang diambil daripada laman sesawang rasmi kerajaan. Kajian ini menggunakan pendekatan tatabahasa fungsional yang diperkenalkan oleh Dell Hymes (1971) dan Halliday (1994) serta Asmah (2008) sebagai aliran tatabahasa yang dirasakan sesuai untuk pelajar asing. Analisis kajian menggunakan pendekatan korpus. Perkakasan WordSmith 5.0 digunakan bagi membantu mendapatkan kekerapan peratusan kata tugas yang paling kerap digunakan dalam teks jenis deskriptif serta membantu untuk melihat gelagat kata tugas. Selain itu, penjelasan fungsi juga dapat dibuat melalui gelagat yang ditonjolkan dalam perkakasan tersebut. Kolokasi bagi kata tugas juga dapat dilihat dan diuraikan selepas melihat melalui data yang dipamerkan melalui perkakasan ini. Nahu berasaskan data korpus linguistik untuk mengajar pelajar asing ini dapat membantu memudahkan pelajar asing untuk memahami dan menggunakan kata tugas yang utama dan paling banyak digunakan dalam bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian kenahuan berasaskan data sebenar yang dimanfaatkan daripada korpus rasmi dan data tersebut menggambarkan bahasa yang diguna pakai oleh masyarakat seharian. Dapatan bagi kajian ini menunjukkan 15 kata tugas yang paling kerap digunakan dalam teks jenis deskriptif ialah kata tugas ‘yang’, ‘di’, ‘dan’, ‘untuk’, ‘dengan’, ‘dari’, ‘pada’, ‘ke’, ‘dalam’, ‘juga’, ‘adalah’, ‘boleh’, ‘merupakan’, ‘oleh’ dan ‘telah’. Kata tugas yang kerap ini seterusnya dibincangkan fungsinya secara meluas dan dibandingkan dengan buku Tatabahasa Dewan yang merupakan tatabahasa pegangan. Akhirnya, kajian ini menjelaskan pendeskripsian 15 kata tugas yang diperolehi melalui dapatan serta mencadangkan cara yang mudah untuk mengajarkan penggunaan kata tugas yang kerap secara fungsional kepada pelajar asing dengan cepat dan mudah di samping melengkapkan dapatan kajian kata tugas terdahulu.

PENGHARGAAN

-BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM-

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran dan puji kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya memberi petunjuk, hidayah, kekuatan dan ketabahan buat diri pengkaji bagi menyempurnakan tesis ini serta mempertemukan dengan individu yang tepat sebagai penyelia. Walaupun menghadapi kesusahan dan rintangan, namun akhirnya, tesis ini berjaya disiapkan. Moga penghasilan tesis ini dapat mendatangkan manfaat dan kebaikan buat kita semua.

Sekalung penghargaan buat Dr. Noor Ida selaku mahaguru di atas seliaan, nasihat serta bimbingan sepanjang tempoh penghasilan tesis ini. Selain sudi berkongsi buah fikiran yang dikira bernas dan berguna, beliau memberikan pengalaman manis yang tidak ternilai dan tidak akan dilupakan selagai hayat dikandung badan. Tunjuk ajar dan teguran beliau menjadikan pengkaji lebih matang dan lebih teliti bagi memastikan setiap perenggan bertaut dan mematuhi rema dan tema. Menjadikan pengkaji lebih teliti dalam penulisan. Kepercayaan dan keyakinan beliau terhadap pengkaji yang menjadi sumber kekuatan utama pengkaji meneruskan kajian ini. ‘Budi dan jasamu akan kukenang selamanya wahai guruku.

Sekalung sayang buat keluarga tercinta, ayahanda Zulkapli, bonda tercinta]
kekanda Sareen Deo sekeluarga, serta ahli keluarga teristimewa, Fazilah, Azmira,
Nizam, Aslam yang bertindak sebagai sumber inspirasi dan sumber semangat yang
tiada penghujungnya. ‘Pengorbanan ini tidak bermakna tanpa mereka’. Tidak akan
dilupakan juga, rakan terbaik, Julianne, Nadia, Rita, Rizal, Sinah, Aizad yang turut
menjadi sumber inspirasi dan individu yang banyak membantu, ‘semoga persahabatan
kita kekal selamanya’.

Terima kasih yang istimewa buat Dekan dan Dr Saidatul Akmar yang bersusah payah membantu dan memberikan kerjasama tidak berbelah bahagi sepanjang proses di sebalik tabir penghasilan tesis ini. Terima kasih juga buat Panel Pemeriksa Dr Salinah dan Dr Norizah kerana memberikan komen membina dan sudi meluangkan masa menyemak tesis ini bagi menjadikan tesis ini naskhah yang terbaik.

Akhir sekali, tidak lupa kepada semua pensyarah dan kakitangan pengurusan Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam terutamanya Pn. Anizah, En. Safuan, Pn. Anis Idayu, Pn. Dini, Pn. Azura atas bantuan mereka sepanjang tempoh pengajian dan perjalanan pengkaji sebagai mahasiswa di UiTM. . Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan juga kepada semua yang melingkari kehidupan pengkaji selama ini. Selebihnya pula ditujukan kepada semua anak-anak didikku yang menjadi tunjang kekuatan dan pembakar semangat dalam meneruskan perjuangan dalam menyempurnakan tesis ini. Ini hadiah daripadaku buat semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung ‘Tuhan sahaja yang dapat membala jasa kalian’.

-AMIN-

ISI KANDUNGAN

Halaman

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
PENGAKUAN PENGKAJI	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.2.1 Latar belakang tatabahasa	1
1.1.1.1 Penjenisan tatabahasa di Malaysia	2
1.2.2 Latar belakang bahasa Melayu untuk pelajar asing	3
1.1.2.1 Silabus bahasa Melayu untuk pelajar asing di UITM	6
1.2.3 Latar belakang kata tugas	7
1.2.3.1 Kata tugas	7
1.2.4 Latar belakang korpus	7
1.2.4.1 Penggunaan data korpus sebagai bahan pembelajaran untuk pelajar asing	8
1.3 Permasalahan kajian	9
1.3.1 Pendekatan aliran tatabahasa yang berbeza-beza	9
1.3.2 Pelajar asing sukar memahami rumus tatabahasa yang kompleks	11
1.2.3 Pelajar asing gagal menggunakan kata tugas dengan betul	12
1.3.4 Penggunaan data yang tidak berpandukan korpus	12
1.3.5 Keterbatasan masa pembelajaran	13
1.4 Objektif kajian	14

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini akan meneliti aliran tatabahasa yang terdapat di Malaysia serta pendekatannya dalam pembelajaran pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu terutamanya daripada aspek kata tugas. Kajian ini akan menggunakan data yang dikutip melalui paparan korpus. Dalam bab ini akan dibincangkan mengenai latar belakang tatabahasa di Malaysia, pelajar asing, kata tugas dan korpus secara umum dan menyatakan permasalahan, objektif, kepentingan kajian, takrifan konsep dan batasan kajian secara menyeluruh sebagai hala tuju kajian ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.2.1 Latar Belakang Tatabahasa

Tatabahasa menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985:213)¹ ialah, ‘sistem, peraturan dan undang-undang sesuatu bahasa yang diketahui oleh masyarakat penutur bahasa itu. Sistem, peraturan dan undang-undang dalam struktur bahasa itu akan menghasilkan rumus-rumus baharu yang dipersetujui oleh masyarakat itu kerana bahasa itu sifatnya dinamik, hidup dan berkembang bersama dengan masyarakat penuturnya’. Abdullah Hassan (1993:1)² mendefinisikan tatabahasa sebagai satu kumpulan petua bagi membentuk perkataan, frasa, klausa dan ayat. Arbak Othman (1981:1)³ pula menyatakan tatabahasa sebagai ciri-ciri bahasa Melayu yang teratur dan kemas hingga dipanggil oleh

¹ Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

² Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd. Hlmn. 1-7.

³ Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.